

# Radius CIO

@ UTeM

Edisi 4 Bilangan 2/2020

ISSN 2590-3640




eBida Nombor Plat  
Eksklusif UTEM

Program Sembang Buku  
Bersama Penulis

Evolusi PLH 2 Dekad

Robots Will Not Replace Humans

Ujian  
Setia Kawan  
di Bukit Beruang





87516860

REDAKSI

Penulis

**Encik Mohd Isa bin Mohd Dom**

Penasihat

**Ts. Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya**  
**Puan Norhazlena binti Sabtu**  
**Encik Azman bin Hj Ayup**  
**Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah binti Mohamad**

Ketua Editor Bersama

**Ts. Dr. Ruziah binti Ali**  
**Puan Noornahar binti Hj. Akashah**

Editor

**Encik Mohammad Dzulhisham bin Che Hassim**  
**Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof**

Pembaca Pruf

**Puan Siti Zurah binti Mohd Nasir**

Reka Letak &amp; Reka Bentuk

**Puan Hanisah binti Hamdzah**  
**Puan Suria binti Abdul Rahman**

Urus Setia

**Cik Jorafiza binti Juki**

# Kandungan

• Perpustakaan Laman Hikmah: Evolusi Perkhidmatan Merentasi Dua Dekad Memahat Sejarah Tersendiri	03
• e-Bida (Sistem Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM)	06
• e-Voting – Pilihan Raya Kampus (PRK)	07
• Bengkel Pemurnian Dasar dan Garis Panduan Repositori Institusi (IR) UTeM	08
• Bengkel Penerbitan Buku Ilmiah Penerbit Universiti Bersama FKP	09
• Bengkel Penilaian dan Penambahbaikan Perkhidmatan Cetus Idea Baharu PLH	10
• Kursus Asas Pengurusan dan Penganalisaan Data serta Penyediaan Infografik	11
• Khidmat Masyarakat Penerbit Universiti Bersih Masjid	12
• Program Libatsama Komuniti Setempat, Eratkan Kerjasama Perpustakaan Laman Hikmah	13
• Otomasi Ringkasan Laporan PSM dengan Menggunakan Otomasi Proses Robotik (RPA)	14
• Robots Will Not Replace Humans – But they will make us smarter and more efficient	17
• WIDGETKIT – POWERFUL TOOL	19
• Gotong-Royong Penerbit Universiti	21
• Ceramah Kesedaran Kecekapan Tenaga	22
• Jom Sertai Pertandingan Kongsi Foto Sempena 20 Tahun UTeM & Menangi Hadiah Wang Tunai	23
• Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Deklamasi Puisi Buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020	24
• Program Sembang Buku Bersama Penulis: Buku ‘Jom Bisnes’ dan ‘Pengurusan Sitasi Ilmuwan Cemerlang’	25
• Sesi Perbincangan dan Menandatangani Perjanjian Penerbitan Penulis	26
• Ujian Setia Kawan di Bukit Beruang	27
• Sekalung Budi Selamat Datang Pertukaran Sementara	31

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Coretan Ketua Editor Bersama

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH SYUKUR KE HADRAT ILAHI.

Kami di RADIUSCIO@UTeM memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan untuk kami meneruskan usaha dalam menerbitkan RADIUSCIO@UTeM Edisi 4 Bil. 2/2020.

Keluaran kali ini agak berbeza sedikit. Selain meneruskan paparan aktiviti dan program daripada PPPK, PLH dan PU serta isu berkaitan pandemik COVID-19, bulan Disember tahun 2020 ini, merupakan bulan teristikewa bagi kami di RADIUSCIO@UTeM. 1 Disember 2020 - genap 20 tahun Universiti kesayangan kita menyambut Ulang Tahun Penubuhan.

1 Disember 2001 yang lalu munculnya Institusi Pengajian Tinggi Awam di Melaka yang diberi nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia atau singkatannya KUTKM. Bermulalah titik bersejerahtera di Melaka dalam aspek pendidikan tinggi. KUTKM kini UTeM – Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah dua dekad berdiri di bumi Tuah – MELAKA.

RADIUSCIO@UTeM kali ini memaparkan artikel berkaitan perjalanan sejarah PLH dalam dua dekad pengoperasiannya disamping menyiarangkan aktiviti dan program yang dijalankan di PPPK, PLH dan PU dalam menyambut 20 tahun penubuhan.

Salam daripada kami. Wassalam.

# **PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH:**

## **Evolusi Perkhidmatan Merentasi Dua Dekad**

### **Memahat Sejarah Tersendiri**

Oleh: Siti Saluwa Jamal



Zaman berubah, masa berlalu, kehendak bertambah, keperluan semakin kompleks dan harapan serta aprisiasi akan terus menggunung tinggi. Begitulah hakikatnya, UTeM sebagai Universiti Awam ke-14 di negara ini telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-20 tahun pada 1 Disember 2020. Selama dua dekad ini, UTeM telah berdiri gagah menyumbang peranan kepada masyarakat dan negara khususnya dalam melahirkan graduan yang kompeten dengan kebolehpasaran yang tinggi dalam bidang teknikal.

Menyebut tentang sejarah penubuhan dan pencapaian UTeM, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) tidak terkecuali mengalami pelbagai fasa transformasi dari tahun ke tahun. Tanpa sedar, Perpustakaan telah melalui evolusi yang ketara dari bermulanya Perpustakaan bersama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ketika itu sehinggalah kepada penjenamaan semula sebagai Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 1 Februari 2007 dan seterusnya berkembang maju sehingga kini. Globalisasi dan kecanggihan ICT telah menyumbang secara langsung terhadap kemajuan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PLH kepada warga Universiti dalam mendepani dunia yang serba mencabar tanpa henti.

Bermula di bangunan rumah kedai di kampus sementara, Taman Tasek Utama, Perpustakaan telah beroperasi pada tanggal 10 Jun 2001 sempena pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang. Perpustakaan hanya mempunyai kekuatan staf seramai 10 orang ketika itu. Pada awal permulaan operasi hanya terdapat tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dengan penawaran lima program awal oleh fakulti-fakulti berkenaan. Manakala Perpustakaan di peringkat awal menyediakan semua perkhidmatan secara manual dengan keluasan ruang lantai sejumlah 1,421.07 meter persegi yang mampu menampung kapasiti pengguna sebanyak 300 orang pada satu-satu masa. Urusan di kaunter seperti pinjaman, pemulangan dan tempahan bahan menggunakan kad pinjaman dan poket tanpa sistem berintegrasi.

Perpustakaan memperoleh sistem perpustakaan bersepada pada tahun 2005 iaitu *Integrated Library Management Utility (ILMU)* yang merupakan sistem produk tempatan. Bertitik tolak daripada aplikasi sistem ILMU, operasi kerja dan perkhidmatan perpustakaan telah diautomasi. Perolehan bahan, pengkatalogan koleksi perpustakaan, pencarian bahan dan urusan di kaunter menjadi bertambah mudah dan lebih sistematik. Pengguna boleh menggunakan *Online Public Access Catalog (OPAC)* untuk membuat pencarian bahan.

Perkhidmatan Perpustakaan ketika ini semakin berkembang secara berperingkat. Meja Penasihat Pengguna, kemudahan komputer, akses kepada internet dan pangkalan data telah mula diperkenalkan. Jumlah koleksi perpustakaan juga semakin meningkat seperti koleksi buku, media dan jurnal menerusi perolehan secara belian dan turut membangunkan Koleksi Khas KUTKM seperti tesis, Projek Sarjana Muda dan soalan peperiksaan.

Perpindahan KUTKM ke Kampus Industri, Ayer Keroh turut melibatkan operasi Perpustakaan. Pada 12 September 2005, Perpustakaan telah beroperasi di Kampus Industri, Ayer Keroh dan ia merupakan satu peluang yang lebih baik dalam perluasan perkhidmatan kerana memiliki keluasan 2,229 meter persegi dan mampu menampung kapasiti pengguna seramai 400 orang pada satu-satu masa.

Pada ketika ini, sekitar 2005 - 2006, Kampus Induk di Durian Tunggal telah mula menempatkan FKE dan FKEKK. Mulai sesi akademik 2005/2006 Perpustakaan telah beroperasi dengan keluasan 432 meter persegi yang boleh memuatkan kapasiti 120 tempat duduk pada satu-satu masa, bagi menampung keperluan warga FKE dan FKEKK. Ketika ini Perpustakaan ditempatkan di bangunan FKEKK.

Pada 1 Oktober 2007, Perpustakaan telah beroperasi di cawangan Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah untuk menyediakan kemudahan rujukan kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT). Perpustakaan UTeM boleh menampung kapasiti pengguna seramai 73 orang.

Sekitar tahun 2007-2008, bilangan staf Perpustakaan terus bertambah dan unit-unit baru diwujudkan untuk meningkatkan lagi jenis dan mutu perkhidmatan serta kemudahan yang ditawarkan. Skop perkhidmatan rujukan maklumat semakin menyeluruh. Langgan judul pangkalan data dalam talian juga semakin meningkat dari tahun ke tahun seiring dengan penambahan kursus yang ditawarkan oleh UTeM.

Ketika ini Perpustakaan telah memulakan kelas literasi maklumat kepada pelajar. Kemahiran mengakses maklumat

dan sumber rujukan menjadi agenda utama agar warga UTeM dapat memanfaatkan sumber rujukan yang disediakan. Perpustakaan turut menerima kunjungan lawatan daripada pihak luar - agensi awam dan swasta.

Sejarah terlakar lagi apabila Perpustakaan berpindah dari Kampus Industri ke bangunan baharu di Kampus Induk, Durian Tunggal pada 8 Julai 2009 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 29 September 2009 sehingga kini. Dengan keluasan 10,063.68 meter persegi, Perpustakaan UTeM mampu menampung kapasiti 500 orang pada satu-satu masa. Sehubungan itu, Perpustakaan di bangunan FKEKK telah ditutup pada 3 September 2009.

Maka bermulalah era baharu Perpustakaan dengan fasa yang lebih cemerlang justeru perkhidmatan dan kemudahan semakin berkembang dengan prasarana yang serba lengkap di bangunan sendirinya. Pelbagai bilik dan ruang disediakan untuk pengguna antaranya seperti bilik tayangan, bilik seminar, bilik pangkalan data, bilik perbincangan dan bilik pasca siswazah. Bilangan staf terus bertambah dari tahun ke tahun berdasarkan keperluan semasa.

Menjelang April 2010, koleksi Perpustakaan telah meningkat kepada 68,367 naskhah bahan bercetak dan 51,333 sumber dalam talian dari 4 e-buku dan 10 e-jurnal yang dilanggan. Reputasi Perpustakaan semakin melonjak dan kunjungan pelawat daripada luar telah meningkat dengan ketara. Ini satu petanda bahawa imej Perpustakaan dan UTeM telah berada di tahap yang tinggi dalam kalangan masyarakat setempat dan negara.

Selaras dengan keputusan UTeM untuk menempatkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal di Kampus Teknologi (dulunya dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh, pada 21 April 2011, Perpustakaan turut beroperasi di situ bagi memenuhi keperluan kedua-dua fakulti tersebut.

Fungsi Perpustakaan dimantapkan dan diperluaskan lagi pada 2014 sejurus selepas Unit Bantuan Penyelidikan diwujudkan bagi menyokong aktiviti penyelidikan di UTeM. Unit ini bertanggungjawab membuat pelaporan penerbitan yang dihasilkan oleh para penyelidik dan membantu mereka untuk mendapatkan sumber rujukan yang berimpak. Unit ini terus diperkasakan sehingga kini dan berperanan besar dalam penyediaan data penerbitan bagi penarafan bintang MyRA, THE World University Ranking, UI GreenMetric World University Ranking, SETARA, QS World University Ranking, QS Asia Ranking, QS Asia Ranking by Subject dan lain-lain.

PLH UTeM  
Perpustakaan Laman Hikmah

LAMAN MEMORI KORPORAT: *Menelusuri KECEMERLANGAN & KEGEMILANGAN UTeM*

1 Gambar, 1000 Makna

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan KUTKM telah mula beroperasi pada 10 Jun 2001 dengan tenaga kerja seramai lapan orang pada peringkat awal. Pengoperasian perpustakaan pada ketika itu adalah seiring dengan pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang di Kampus Sementara, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh Melaka. Dengan berbekalkan ruang yang terhad, perpustakaan berusaha menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik bagi membantu pelajar dalam pencarian maklumat dan bahan rujukan.

Unit Memori Korporat, Sekyen Repositori  
Perpustakaan Laman Hikmah, Universiti Teknkal Malaysia Melaka  
Email: memori.korporat@utm.edu.my | Tel: +606 - 270 1211

(Bil.6/2020)

Sejarah manis terukir pada 23 November 2017, apabila Perpustakaan telah secara rasminya dijenamakan kepada Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) seperti yang termaktub dalam Pekeliling Pentadbiran Bilangan 58 Tahun 2017. Penjenamaan ini telah memberi impak yang besar kepada transformasi landskap perkhidmatan PLH kerana pelbagai pendekatan berbeza telah dirancang dan dilaksanakan dalam tempoh empat tahun terakhir ini. PLH tampil dengan imej yang lebih segar, lebih mesra, lebih prihatin dan lebih santai kepada warga Universiti khususnya pelajar.

Dari aspek pembentukan modal insan yang berfikiran kreatif, PLH mempunyai rekod cemerlang melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dalam mempertingkatkan kualiti dan produktiviti kerja khususnya terhadap penyampaian perkhidmatan kepada pengguna melalui ciptaan inovasi yang menjadikan sesuatu tugasannya lebih efektif dan efisien.

MOLIA (kumpulan KIK PLH) telah melakar sejarah gemilang sepanjang tahun 2014-2016. Bermula dengan Johan (Kategori Pengurusan) di Konvensyen KIK Peringkat UTeM pada 11 Disember 2014, penarafan Perak di Konvensyen KIK Universiti Awam 2015 pada 14-16 April 2015 di Universiti Islam Sains Malaysia (USIM), penarafan Emas di Konvensyen Team Excellence 2015 Wilayah Selatan pada 13 Ogos 2015 di Hotel Ramada Plaza, Melaka dan penarafan Emas di Konvensyen Team Excellence Kebangsaan, APIC 2015 di Sunway Pyramid Convention Centre pada 2-4 November 2015. MOLIA seterusnya telah mengharumkan nama UTeM dengan memperoleh penarafan Emas di International Exposition on Team Excellence (IETEX) di Singapura pada 26-28 September 2016.

Jejak MOLIA telah diikuti oleh POLISH (kumpulan KIK PLH kedua) yang telah meneruskan kecemerlangan PLH setelah dinobatkan sebagai Johan dalam Kategori Pengurusan & Persempahan Terbaik di Peringkat UTeM pada 1 Mac 2017. Penarafan Emas di Konvensyen Team Excellence, Wilayah Tengah 2017 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 24-25 Julai 2017, penarafan Perak di Konvensyen KIK Universiti Awam di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 1-3 Ogos 2017 dan penarafan Emas di Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Genting pada 14-16 November 2017.

Tidak lengkap rasanya menelusuri evolusi PLH sekiranya tidak mengenang tarikh 30 Ogos 2018 di mana PLH telah menerima lawatan delegasi *International Federation of Library Association and Institution (IFLA)* bersempena dengan *World Library and Information Congress* 2018 yang ke-84 di Kuala Lumpur. Delegasi IFLA ini dihadiri oleh 60 orang peserta luar negara, 11 orang sukarelawan dan petugas media dari Malaysia. Pemilihan PLH sebagai mewakili perpustakaan akademik di Wilayah Selatan adalah satu penghormatan dan kebanggaan yang akan terus dikenang.

Keprihatinan untuk menyediakan ruang belajar yang kondusif kepada pengguna khususnya pelajar telah membuka lembaran baru kepada PLH. Justeru itu pada tanggal 17 Mei 2019 telah berlangsung Majlis Perasmian Ruang 24 Jam, PLH Kampus Induk. Ia merupakan inisiatif PLH untuk memberi peluang kepada warga UTeM untuk terus menggunakan ruang perpustakaan selepas waktu operasi dalam keadaan yang selesa dan memenuhi konsep *Library My Second Home*. Malah ruang yang ada di PLH kini terbuka kepada penggunaan warga UTeM untuk pelbagai acara seperti sesi kuliah, latihan, penganjuran aktiviti dan sebagainya. Bagi masyarakat luar UTeM, sewaan ruang turut disediakan sebagai menyokong langkah penjanaan Universiti.

Pada Februari 2019, PLH Kampus Bandar tidak lagi beroperasi berikutan penutupan rasmi UTeM Cawangan Kampus Bandar. Sehubungan itu, PLH Kampus Induk hanya beroperasi dengan satu cawangan iaitu PLH Kampus Teknologi dan mempunyai staf seramai 61 orang secara keseluruhan.

Seiring dengan kemajuan teknologi dan komunikasi secara global, PLH telah memanfaatkan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *You Tube* untuk mempromosi perkhidmatan, berkongsi maklumat dan berkomunikasi dengan pengguna dalam dunia tanpa sempadan.

PLH turut berani melakukan perubahan penting ketika menggantikan sistem ILMU kepada sistem KOHA yang berasaskan sumber terbuka pada Mac 2019. Selain menjimatkan kos, sistem KOHA dilihat lebih berkemampuan untuk berfungsi sepenuhnya, fleksibel, lebih menyeluruh dan efisien.

*Talkshow@library*, Sembang Buku Bersama Penulis, *Library Day*, *Reference Open House*, *Campus Fun Run*, *Info Hunt* adalah antara aktiviti yang sinonim dengan PLH dalam usaha menarik pengguna turut sama menyertainya. Lebih-lebih lagi apabila kempen membaca *Read@Uni* diperkenalkan pada 2019 untuk memperlihatkan peranan perpustakaan Universiti Awam sebagai agen memartabatkan budaya membaca; dilihat telah menyerlahkan lagi keternampakan PLH dalam kalangan warga UTeM sebagai pusat penyuburan dan pembudayaan ilmu. Malahan PLH turut menyediakan permainan video elektronik seperti *PlayStation 4* untuk mewujudkan elemen santai kepada pengguna khususnya pelajar.

Malahan aktiviti Unit Bantuan Penyelidikan seperti *Research Workshop*, *Guide to Getting Publish*, dan *Publishing Talk* merupakan branding yang boleh dibanggakan oleh PLH sebagai turut sama menyumbang kepada kemajuan penyelidikan di UTeM. Aktiviti-aktiviti ini mempunyai sasaran khalayak yang kian meningkat saban tahun dan mendapat sambutan yang baik setiap kali penganjurannya.

Tahun 2020 telah membawa dimensi baharu kepada penyampaian perkhidmatan di PLH disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Penyampaian dan perkongsian maklumat kini lebih banyak dibuat melalui webinar yang menggunakan kaedah telesidang video melalui web di platform Webex. Tidak terkecuali Program Literasi Maklumat juga disampaikan dalam talian dengan platform tersebut. Perkongsian melalui media sosial seperti *Facebook Live* juga merupakan medium yang popular di kalangan pengguna dewasa ini.

Kini setelah dua dekad berlalu, koleksi PLH telah bertambah dengan pesat dalam menyediakan sumber rujukan yang komprehensif kepada warga UTeM. Sehingga kini, PLH mempunyai sebanyak 75,204 naskhah buku bercetak, 2,906,826 e-buku, 16,221 naskhah bahan media, 19,061 jurnal bercetak dan 16,981 e-jurnal. Tumpuan PLH dalam tempoh 2021-2025 adalah meningkatkan sumber rujukan elektronik bagi menyokong pembelajaran digital dan secara dalam talian agar lebih mudah diakses.

PLH komited untuk terus mara ke hadapan bagi meraih lebih banyak kejayaan. Pelbagai inisiatif dan inovasi perlu dicipta, teknologi didakap bagi mencapai kemajuan dan usaha penambahbaikan berterusan menjadi pemangkin kejayaan demi kelangsungan sebuah perpustakaan akademik yang cemerlang.



# e-Bida (Sistem Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM)

Oleh : Norazlinda Ibrahim

Sistem Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM Secara Dalam Talian atau singkatannya e-Bida merupakan sistem yang dibangunkan oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) bagi memudahkan proses bidaan nombor plat eksklusif UTEM. Sistem yang dibangunkan ini bertujuan untuk memudahkan proses bidaan dibuat dan pengguna boleh membida secara telus. Inisiatif ini dicetuskan oleh Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan, Pejabat Bendahari dan inisiatif ini selaras dengan saranan kerajaan yang mahukan setiap Universiti Awam (UA) berusaha menjana pendapatan sendiri bagi mengurangkan bebanan tanggungan kewangan dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia.

Majlis Pemakluman Pembukaan Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTEM pada 8 Disember 2020 di Auditorium Canselori, UTEM.

The screenshot shows the homepage of the e-Bida website (<https://ebida.utm.edu.my>). The header features the UTEM logo and a banner for the 20th anniversary. The main title is "NOMBOR PLAT EKSKLUSIF UTEM". Below it, there's a call-to-action button "DAPATKAN SEKARANG!!!". A section for "Pendaftaran Kenderaan Baharu Dalam Tempoh" is shown with a "12 BULAN" button. To the right, categories for "KATEGORI NOMOR" are listed: PLATINUM, DIAMOND, GOLD, SILVER, and BRONZE. Each category has a circular icon and a brief description. At the bottom, there are sections for "PEMAKLUMAN", "SIDAIAN FASA 3 DIBUKA PADA 22 JANUARI 2021 (12.00pm) HINGGA 27 JANUARI 2021 (12.00pm)", and "BIDAAN FASA 3 TELAH DIBUKA". The footer contains legal disclaimers and contact information.

# e-Voting

## Pilihan Raya Kampus (PRK)

oleh : Hayani Abu Yamin & Norazlinda Ibrahim

Pilihan Raya Kampus (PRK) merupakan aktiviti tahunan yang diadakan bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Memandangkan pandemik Covid-19 melanda negara dan dunia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil inisiatif dengan mempelopori kaedah baharu dalam melaksanakan Pilihanraya Kampus (PRK) iaitu dengan menggunakan kaedah sepenuhnya dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal ke kampus. Sebelum ini, PRK UTeM dilaksanakan secara dalam talian berkonsepkan client based dan pelajar perlu hadir ke lokasi atau pusat pembuangan undi yang telah ditetapkan bagi melakukan proses pembuangan undi. Dengan kaedah baharu ini membolehkan seramai 12,419 orang pelajar UTeM di seluruh negara yang layak mengundi untuk membuaung undi bagi memilih calon MPP. Pelajar boleh mengundi melalui aplikasi pintar *MyUTeM* atau melalui Portal e-Vote Pelajar.

Proses pengundian telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2020 bermula jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang. Sepanjang proses pengundian dijalankan, ia turut diselang selikan dengan sesi cabutan bertuah yang menawarkan hadiah menarik kepada pelajar-pelajar yang mengundi. Turut dijalankan sesi bual bicara santai bersama TNC (HEP) dan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) yang mengupas berkaitan gerak kerja, pengalaman dan inisiatif berkaitan proses pengundian menggunakan kaedah baharu ini. YBhg. Profesor Datuk Wira Naib Canselor turut bersama dan memberi kata-kata aluan sebagai tanda sokongan untuk pelaksanaan proses pengundian menggunakan kaedah yang baharu.



Pelaksanaan kaedah baharu ini selari dengan kekangan yang perlu dihadapi dalam musim pandemik di mana majoriti pelajar UTeM berada di kampung halaman masing-masing, namun tetap dapat menunaikan tanggungjawab melaksanakan proses pembuangan undi secara atas talian. Perjalanan PRK UTeM bermula dengan kempen dan pengendalian pada hari pilihan raya ini digerakkan oleh sekumpulan pelajar UTeM dikenali sebagai *Campus Election Committee (CEC)* dan dibantu oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM. Bilik gerakan juga beroperasi sepanjang hari pengundian berlangsung bertempat di Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK).

Secara keseluruhannya proses pengundian berjalan dengan lancar. Statistik peratusan keseluruhan dan peratusan mengikut fakulti disediakan untuk memudahkan pemantauan.



# BENGKEL PEMURNIAN DASAR DAN GARIS PANDUAN REPOSITORY INSTITUSI (IR) UTeM

Oleh: Hasliza Mohamed

Secara konseptual, IR UTeM merupakan pusat pengumpulan untuk memelihara semua hasil penyelidikan dan penerbitan warga UTeM secara sistematis dan berpusat. Penyebaran dan perkongsian maklumat mengenai karya ilmiah UTeM dapat dipertingkatkan dan membantu keterlihatan (*visibility*) kepada UTeM serta penarafan kepada Universiti secara global. Bahan yang terkandung di dalam IR UTeM meliputi kertas seminar, artikel jurnal, buku, bab dalam buku, paten dan tesis.

Bagi memperkasakan IR UTeM sebagai sumber ilmu dan rujukan yang unggul di peringkat nasional dan antarabangsa, Bengkel Pemurnian Dasar dan Garis Panduan Repository Institusi (IR) UTeM telah diadakan pada 17 November 2020 di Bilik Pangkalan Data, Perpustakaan Laman Hikmah.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 12 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa IR UTeM. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyemak dan mengemas kini semula dasar sedia ada bagi memastikan dasar sedia ada mampan dan boleh diukur penarafannya seiring dengan hala tuju Universiti di dalam Seven Strategic Goals 2021-2025.



# *Bengkel*

## **PENERBITAN BUKU ILMIAH**

### **PENERBIT UNIVERSITI BERSAMA FKP**

**Oleh: Faradila Md Yusof**

Penerbit Universiti dengan kerjasama pengurusan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan Bengkel Penerbitan Buku Ilmiah pada 8 dan 9 September 2020. Antara objektif utama bengkel ini untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah bagaimana untuk menghasilkan buku daripada tesis atau laporan penyelidikan yang dimiliki. Lebih 20 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah FKP telah menyertai bengkel ini.

Program ini juga menjadi medan bagi perkongsian kepakaran dan kemahiran yang dimiliki dalam menghasilkan penerbitan yang sempurna dan menepati ciri-ciri sebuah buku yang berkualiti. Secara tidak langsung ia juga membantu bagi meningkatkan jumlah penerbitan ilmiah di UTeM dan seterusnya merancakkan usaha penghasilan buku penyelidikan yang menyumbang kepada peningkatan data MyRA.

Bengkel ini dikendalikan oleh Pengarah Penerbit Universiti, Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad di samping turut mengundang penceramah jemputan iaitu Pengarah Penerbit Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Profesor Madya Ts. Dr. Amir Khalid dan Ts. Dr. Mohd Azli Salim yang telah berkongsi pengalaman masing-masing dalam penulisan dan penerbitan buku ilmiah.



# Bengkel PENILAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN CETUS IDEA BAHARU PLH

Oleh: Zaidi Saad

Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah mengadakan Bengkel Penilaian dan Penambahbaikan Perkhidmatan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) pada 23 dan 24 November bertempat di Bilik Tayangan, PLH.

Bengkel yang dihadiri seramai 22 orang staf PLH, melibatkan Seksyen Sirkulasi dan Seksyen Rujukan serta empat orang pelajar latihan amali. Bengkel ini bertujuan untuk menilai, memantapkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan maklumat dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna perpustakaan dan mempersiap siaga staf dengan kemahiran maklumat yang bersesuaian sebagai *frontliner* perpustakaan seiring dengan norma baharu pada masa kini.

Dalam ucapan alu-aluan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PLH, Encik Azman Hj. Ayup, menekankan kepentingan semua staf perpustakaan supaya beradaptasi dengan persekitaran norma baharu pada masa kini selain turut menyentuh keperluan untuk berevolusi dengan perkembangan teknologi dan revolusi maklumat terkini.

Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah peserta diberikan kebebasan dalam menilai setiap perkhidmatan yang ditawarkan

oleh Bahagian Perkhidmatan Maklumat serta berpeluang untuk memberikan cadangan penambahbaikan bagi perkhidmatan pada masa sekarang dan akan datang melalui slot Dapatkan Maklum Balas Penilaian Perkhidmatan dan *Bank of Ideas*.

Ceramah Motivasi Kecemerlangan turut diadakan dan disampaikan oleh Dr. Mohd Fauzi Kamarudin, Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB) dan sesi perkongsian pengalaman melalui slot, *Inspiring Dreams & Thinking Out of Box*. Selain itu, aktiviti-aktiviti simulasi seperti Kuiz (kahoot), permainan motivasi berkumpulan yang diadakan menjadikan bengkel ini lebih menarik dalam membantu meningkatkan pemahaman peserta kursus mengenai objektif yang ingin dicapai dan diharapkan agar ia diterapkan serta akan terus menjadi amalan staf dalam menjalankan tugasannya harian.

Secara keseluruhan bengkel ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan melalui maklum balas peserta yang mengharapkan agar bengkel ini akan terus diadakan pada masa akan datang, khususnya untuk memberikan ruang dan peluang bagi staf untuk bersama menyumbangkan idea dan mengeratkan silaturrahim antara seksyen.



Gambar sekitar Bengkel Penilaian dan Penambahbaikan Perkhidmatan Perpustakaan Laman Hikmah

# **Kursus Asas Pengurusan dan Penganalisaan Data Serta Penyediaan Infografik**

Oleh: Mez Zelina Yusof

Kursus Asas Pengurusan dan Penganalisaan Data serta Penyediaan Infografik merupakan kursus anjuran Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar. Kursus ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 14 dan 15 September 2020 bertempat di Bilik Pangkalan Data, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH).

Seramai 20 orang peserta terlibat di dalam kursus ini yang terdiri daripada staf-staf PLH bertujuan memberi pendedahan kepada peserta untuk mengurus, menganalisis dan membentangkan data-data terkumpul di PLH. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan kaedah untuk membuat sesuatu persembahan dalam bentuk infografik serta menghasilkan satu pembentangan yang menarik untuk PLH.

Penceramah bagi kursus ini ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT), Dr. Fam Soo Fen. Sejumlah enam modul dilaksanakan bagi menepati keperluan kursus antaranya pengenalan statistik dan persembahan data, pengenalan infografik, visual elements, pengurusan dan penganalisaan data statistik perpustakaan, penyediaan dan pembentangan infografik secara berkumpulan.



**Dr. Fam Soo Fen Menyampaikan Ceramah**



### **Sesi Pembentangan Oleh Peserta Kursus**



#### **TKPK Menyampaikan Taklimat Penutup Kursus**

# *Khidmat Masyarakat* Penerbit Universiti Bersih Masjid

Oleh: Mohammad Dzulhisham Che Hassim

Kesibukan tugas tidak menjadi penghalang warga Penerbit Universiti untuk turun padang menjayakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada komuniti setempat.

Program yang berlangsung di Masjid Luqmanul Hakim, Sungai Petai, Alor Gajah Melaka pada 18 September 2020 disertai oleh keseluruhan warga Penerbit Universiti dan jawatankuasa masjid berkenaan.

Pengarah Penerbit Universiti, Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad berkata, program CSR tersebut adalah salah satu daripada perancangan aktiviti tahunan Penerbit Universiti dalam usaha memasyarakatkan Universiti. Menurutnya, aktiviti sedemikian juga adalah untuk mendedahkan warga kerja Penerbit Universiti dengan *soft skill* seperti kemahiran berkomunikasi, pengurusan acara dan membina reputasi baik dengan komuniti.

Program separuh hari itu melibatkan dua segmen iaitu yang pertama membersihkan masjid dan kawasan sekitar dan kedua, menyampaikan sumbangan pelitup muka, cecair pembasmi kuman dan risalah program yang ditawarkan oleh UTeM kepada para jemaah masjid.



# **Program Penglibatan Komuniti Setempat, Eratkan Kerjasama Perpustakaan Laman Hikmah**

**Oleh : Harulrizam Mohamed@Ghazali**

Universiti Awam (UA) bukan sahaja berperanan melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang malah juga bertanggungjawab menyumbang ilmu dan kepakaran dalam pembangunan komuniti setempat. Melalui program yang dilaksanakan bertujuan merapatkan jurang antara masyarakat dan komuniti universiti sebagai satu proses memasyarakatkan universiti agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

Menyedari hakikat itu, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sentiasa memperluaskan perkhidmatannya dengan menjayakan pelbagai aktiviti membabitkan komuniti yang mampu memberi impak positif kepada kedua-dua pihak selain dapat memberi pendedahan sebenar pembabitan terhadap komuniti setempat bagi manfaat bersama.

Konsep penglibatan komuniti atau *community engagement* adalah merujuk kepada proses di mana PLH dan komuniti membina secara berterusan atau hubungan tetap melalui kerjasama yang memberi manfaat menerusi program komuniti berimpak.

PLH mengambil inisiatif tersebut dengan melaksanakan program khidmat komuniti dan berkongsi kepakaran terhadap Pusat Sumber Sekolah yang melibatkan dua buah Pusat Sumber Sekolah iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Rumput (4-6

Ogos 2020) dan SK Sungai Udang, Melaka (26-27 Ogos 2020). Program ini merupakan sumbangan PLH kepada pengurusan sekolah dengan memberikan khidmat nasihat dan bantuan dalam memastikan Pusat Sumber Sekolah dapat diuruskan secara sistematik dan efisien.

Di samping itu, PLH turut membantu sekolah berkenaan melakukan persediaan dalam menyertai pertandingan Anugerah Pusat Sumber Cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan pada tahun 2020. PLH juga turut menganjurkan Sesi Bicara Santai @ FB Live yang membincarkan topik berkenaan kerjasama antara perpustakaan, cabaran dalam arus semasa yang dihadapi serta teknologi dan gaya yang berkait rapat dengan Revolusi Industri 4.0 di peringkat pengajian tinggi dan peringkat persekolahan.

Program yang melibatkan seramai 24 orang staf PLH ini berjaya memupuk semangat muhibah dan mengeratkan lagi hubungan dan kemajuan Pusat Sumber sekolah-sekolah di negeri Melaka ini dan secara keseluruhan berjaya mendekatkan warga PLH bersama komuniti sekitar sebagai tanggungjawab sosial, perkongsian ilmu, membentuk minda (*mind setting*) kepada komuniti bahawa Universiti boleh membantu berkongsi pengetahuan dan kepakaran serta kerja-kerja kemasyarakatan.



# OTOMASI RINGKASAN LAPORAN PSM DENGAN MENGGUNAKAN OTOMASI PROSES ROBOTIK (RPA)

Oleh : Abdul Syukor Mohamad Jaya dan Siti Maimunah Abdul Rahman

## 1. Pengenalan

Dalam era modenisasi ini, pelaksanaan sesuatu pekerjaan menjadi semakin pantas dan memerlukan komitmen yang sangat tinggi. Namun, kerja yang dilakukan perlu melibatkan kos yang rendah dan menghasilkan produktiviti yang tinggi. Masalah seperti kesilapan manusia, pekerjaan berulang, hasil kerja yang kurang memuaskan, dan kos pekerja yang tinggi sering kedengaran dan harus ditangani dengan cermat.

Pernahkah anda mendengar perkataan Otomasi Proses Robotik? Dalam bahasa Inggeris ia dipanggil *Robotic Process Automation* (RPA). Menurut David Landreman RPA adalah proses di mana bot perisian menggunakan kombinasi automasi, penglihatan komputer, dan pembelajaran mesin untuk mengotomatisasi tugas berulang yang banyak berdasarkan peraturan dan didorong oleh pencetus.

## 2. Bagaimana RPA Berfungsi?

Robot RPA mampu meniru banyak tindakan pengguna manusia. Mereka log masuk ke aplikasi, memindahkan fail dan fail lipatan, menyalin dan menampal data, mengisi borang, mengekstrak data berstruktur dan separa berstruktur daripada dokumen, mengikis penyemak imbas, dan banyak lagi. RPA berfungsi dengan mengakses maklumat daripada sistem IT yang ada. Terdapat banyak cara alat RPA dapat disatukan dengan aplikasi anda. Salah satu pilihan adalah melalui sambungan ke pangkalan data dan perkhidmatan web perusahaan di bahagian belakang. Satu lagi adalah melalui sambungan depan atau *desktop* yang mempunyai pelbagai bentuk.

## 3. Manfaat RPA Kepada Organisasi

Banyak manfaat yang boleh diperoleh oleh sebuah organisasi apabila mereka menggunakan RPA untuk melakukan tugas yang sama. Antaranya, mengurangkan kos dengan automasi tugas-tugas yang sedia ada, RPA akan menjimatkan kos tenaga manusia. Pekerja dapat fokus kepada kerja-kerja yang memerlukan mereka untuk berfikir seperti membuat keputusan atau menyelesaikan masalah. Selain itu, dapat mengurangkan risiko operasi kerana RPA boleh membantu sebuah organisasi menurunkan risiko kesilapan manusia, sebagai contoh dalam memproses laporan Projek Sarjana Muda (PSM), banyak kesalahan yang dilakukan sewaktu mengisi data ke dalam sistem.

## 4. Perisian Bagi Membangunkan RPA


Pelbagai perisian yang boleh digunakan bagi membangunkan aplikasi RPA ini. Antaranya ialah *UiPath*, *Automation Everywhere*, *Blue Prism* dan *Automate Robotic Process Automation*. Kebanyakkannya disenaraikan ini memberikan para pelanggan tempoh percubaan secara percuma untuk membangunkan sesuatu projek. Pada masa yang sama, RPA boleh digunakan bersama perisian lain. Sebagai contoh *SQL Server Management Studio* digunakan untuk menyimpan data laporan PSM daripada proses automasi yang dijalankan menggunakan *UiPath Studio*.

## 5. Kajian Awal RPA di UTeM

Satu kajian awal pelaksanaan RPA di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dijalankan oleh Siti Maimunah binti Abdul Rahman, pelajar 3 BITI FTMK menerusi Projek Sarjana Muda, dan telah diselia oleh Timbalan Ketua Pegawai Maklumat, Ts. Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya. Dalam kajian ini, RPA telah digunakan dalam mengekstrak data penting dalam laporan Projek Sarjana Muda (PSM) yang dihantar ke Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM. Isu yang dibangkitkan sebelum ini adalah pustakawan bertugas terpaksa mengekstrak data penting secara manual daripada laporan PSM yang dihantar dalam fail berformat PDF. Mereka terpaksa membaca dan menyalin semula data penting seperti nama penulis, tajuk, tarikh, fakulti dan abstrak kajian.

Dalam kajian ini, RPA telah dibangunkan dengan menggunakan perisian *UiPath Studio* versi percubaan (*trial version*) dan *SQL Server Management Studio* sebagai pangkalan data.

- i. Langkah pertama adalah dengan menentukan kawasan yang ingin diekstrak datanya. Kebiasaannya, format laporan PSM bagi semua program di UTeM adalah sama. Dengan itu, laporan PSM dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM telah dipilih dan digunakan. Laporan tersebut adalah berformat PDF, dan dalam proses automasi ini perisian *Adobe Acrobat Reader* telah digunakan. Selain itu, laporan PSM ditetapkan kepada 100% tahap zum (*zoom level*) supaya semua data penting laporan PSM dapat diekstrak dengan seragam. Rajah 1 menunjukkan fail laporan PSM berformat PDF dengan tahap zum 100%.



Rajah 1: Laporan PSM menggunakan format PDF

- ii. Langkah kedua adalah proses automasi menggunakan *UiPath Studio* dengan mengikut aturan kerja bagi memudahkan proses automasi berjalan dengan lancar, dan bagi memudahkan pengguna untuk faham langkah demi langkah data yang diekstrak. Sebelum itu, fail lipatan (*folder*) baru bernama *Report* dan *Completed Report* perlu diwujudkan di dalam fail lipatan utama Projek Laporan PSM. Fail lipatan *Report* mengandungi fail yang belum diproses (diekstrak) manakala fail lipatan *Completed Report* mengandungi laporan yang telah diproses. Hal ini bagi mengelakkan data yang sama diambil berulang kali. Selain itu, proses ini memerlukan fail *Excel* yang diberi nama *Report Data* bagi memasukkan data yang telah diekstrak. Rajah 2 menunjukkan fail lipatan dan fail *Excel* yang diwujudkan. Rajah 3 menunjukkan urutan pemprosesan laporan dalam perisian *UiPath*.

CompletedReport	11/9/2020 10:51 PM	File folder
Report	11/9/2020 10:51 PM	File folder
Main	6/2/2020 1:00 PM	UiPath Studio proj...
PdfDataExtractionProject	11/9/2020 10:33 PM	UiPath Studio proj...
project.json	2/9/2020 9:59 PM	JSON File
ReportData	11/9/2020 10:51 PM	XLSX Worksheet

Rajah 2: Fail lipatan dan fail *Excel* yang telah diwujudkan



Rajah 3: Urutan pemprosesan laporan


- iii. Langkah ketiga ialah mengekstrak data menggunakan *Get OCR* daripada panel *Activities* di sebelah kiri. Rajah 4 menunjukkan proses automasi bagi mengekstrak data nama penyelia dari laporan PSM. Setiap data yang hendak diastrak perlulah mengikut skala yang tepat supaya semua patuh perkataan dapat diekstrak oleh *Optical Character Recognition (OCR)*.




Rajah 4: Penentuan skala bagi mengekstrak data

- iv. Langkah terakhir ialah mencipta pangkalan data bagi laporan PSM supaya data dapat disimpan dengan selamat jika berlaku bencana yang tidak diingini. Selain itu, ia memudahkan pengguna dan menjimatkan masa jika perlu mencari atau perlu mengubah data laporan PSM terdahulu dengan hanya menggunakan fungsi *query*.

Rajah 5 menunjukkan *query* bagi pangkalan data dan data penting yang diekstrak disimpan dalam pangkalan data, dan Rajah 6 menunjukkan pelaksanaan pangkalan data dalam *UiPath Studio*.




Rajah 5: Pangkalan data untuk laporan PSM



Rajah 6: Pelaksanaan pangkalan data dalam *UiPath Studio*

Rajah 7 menunjukkan senibina ringkasan laporan menggunakan aplikasi perisian RPA. Laporan yang diringkaskan adalah seperti laporan akhir, resit, artikel jurnal, buku, dokumen kewangan dan sebagainya.



Rajah 7: Seni bina ringkasan laporan menggunakan aplikasi perisian RPA

## **6. Potensi Implementasi RPA di UTeM**

Kajian awal yang dijalankan menunjukkan RPA dapat menjimatkan masa staf dalam membuat ringkasan laporan PSM. Masa yang diperlukan untuk RPA membuat ringkasan adalah kurang dari pada 30 saat bagi satu laporan, mengikut bilangan data penting yang diekstrak bagi setiap laporan. Cuba bayangkan jika aplikasi ini digunakan bagi membuat ringkasan semua laporan PSM pelajar tahun akhir UTeM yang berjumlah kira-kira 1,200 laporan, tentu ia hanya akan mengambil masa kurang dari satu hari, secara otomatis tanpa perlu penglibatan staf.

## **7. Kesimpulan**

RPA menjadikan proses kemasukan data untuk laporan PSM menjadi lebih pantas dan mengurangkan risiko kesilapan manusia. Dengan hanya beberapa saat, semua maklumat penting daripada laporan PSM telah disimpan dalam pangkalan data. Ini membuktikan RPA sangat efisien digunakan pada masa kini, dapat menjimatkan masa, mengurangkan penglibatan manusia, mengurangkan kesilapan manusia dan mengurangkan kerja yang bersifat berulangan.

Penggunaan RPA di UTeM dalam melakukan kerja yang berulang adalah satu perkara yang baru. Ia dilihat satu pendekatan baru bagi mewujudkan persekitaran kampus yang pintar. Namun, pihak UTeM harus menyediakan dana bagi membayar lesen perisian dan melatih staf bagi membangunkan RPA, supaya dapat menggantikan staf dalam melakukan kerja yang berulang dengan jumlah fail yang banyak seperti laporan kewangan, laporan pelajar dan kertas kerja.

### **Penulis:**

- (1) Dr. Abdul Syukor Mohamad Jaya adalah pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan juga Timbalan Ketua Pegawai Maklumat di Pejabat Ketua Pegawai Maklumat, Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- (2) Siti Maimunah binti Abdul Rahman adalah pelajar Tahun 3, kursus *Bachelor of Computer Science (Artificial Intelligent) with Honours (BITI)*, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

# Robots Will Not Replace Humans

- But they will make us smarter and more efficient



*In the future, new jobs and roles will be created to support a technology-driven workplace, such as robot / AI trainer, virtual reality manager, and advanced data scientist.*

What does the future of work hold? In a world where it's impossible to predict what will happen tomorrow, it's a tough question to answer.

To help, Citrix Systems has undertaken Work 2035, a year-long examination of global work patterns, to understand how work will change and the role that technology will play, in enabling people to perform at their best.

Citrix teamed up with Oxford Analytica and Coleman Parkes to survey over 500 C-suite leaders and 1,000 employees within large corporations and mid-market businesses globally on

current and future workforce strategies and work models. And here's what was learned:

The first key finding: **Robots will not replace humans – but they will make us smarter and more efficient.**

More than three-quarters of those polled (77%) believe that in fifteen years, artificial intelligence (AI) will significantly speed up the decision-making process and make workers more productive. New jobs and roles will be created to support a technology-driven workplace and the changing relationship between humans and machines.





Here are the positions respondents believe will be created:

- Robot / AI trainer (82% of leaders/44% of employees)
- Virtual reality manager (79% of leaders/36% of employees)
- Advanced data scientist (76% of leaders/35% of employees)
- Privacy and trust manager (68% leaders/30% of employees)
- Design thinker (56% of leaders/27% of employees)

The second key finding: **Work will be more flexible** – Technology that allows for seamless access to the tools and information people need to collaborate and get work done wherever they happen to be will fuel flexible models that the future of work will demand. As a result:

- 60% of workers believe permanent employees will become rare by 2035.
- 80% of leaders believe that technology platforms will provide instant access to the highly specialised, on-demand talent.
- 39% of leaders believe that in 2035, the majority of high-value specialist workers will be on-demand and freelance workers.
- More than half of those surveyed (57%) believe AI will make most business decisions and potentially eliminate the need for senior management teams.
- 75% think most organisations will have a central AI department overseeing all areas of the business.
- 69% believe that the CEO will work in a human-machine partnership with a Chief of Artificial Intelligence (CAI).

The third key finding: **Productivity will get a major boost**

– Technology, closely integrated with humans, will drive step changes in productivity. “AI-angels” - digital assistants driven by AI - will draw on personal and workplace data to help employees prioritise their tasks and time and ensure mental and physical wellness.

These worker augmented assistants will, for example, schedule meetings to take place at the most effective time based on factors ranging from the blood sugar levels of participants to their sentiments at different times of day. And while the meetings are taking place, they will monitor concentration levels and attitudes and adjust as necessary to drive optimal outcomes.

More than half of professionals surveyed (51%) believe technology will make workers at least twice as productive by 2035. Among the solutions they believe will be commonplace:

- AI that anticipates and performs tasks based on habits and preferences
- AI personal assistants
- AI-guided digital wellness to ensure employees' mental and physical wellbeing
- Wearable technology to interact with systems
- Augmented reality glasses
- Neuro-linked technology for controlling devices
- Exoskeletons to enhance performance-related tasks

“The COVID-19 pandemic has forced companies to reimagine the way things get done, and over the next 15 years, they will face more challenges and disruptions than ever,” said Tim Minahan, Executive Vice President of Business Strategy, Citrix.

“But as Work 2035 makes clear, within this chaos lies opportunity. Savvy companies are using this crisis to begin planning for the “next normal”. Not just return to where they were, but to embrace new workforce and work models to power their business forward.”

*Article written by Aditi Sharma Kalra*

*Published: 08 December 2020*

*By: Harvard Business*




# WIDGETKIT - POWERFUL TOOL

By: Azilina Md Buang

Widgetkit is an easy-to-use content creator to build entire pages in no time. It provides a simple and user-friendly way to enrich your website experience with slideshows, galleries, lightboxes and much more.

Build regular to outstanding sections instantly with ready to use addons. Widgetkit provides a growing collection of widget plugins and allows you to display dynamic content as a gallery, slider or slideshow anywhere in your page. Design beautiful websites with just a few clicks.



## USER INTERFACE - Manage Content in One Place

Widgetkit comes with an intuitive and clearly arranged user interface which allows you to easily manage your Joomla gallery, slider and slideshow and and fully integrated into Joomla and WordPress.


### SELECT YOUR WIDGET

- Widgetkit allows you to create custom content or select content types, like WordPress posts or Joomla articles. You can choose from a number of different widget renderers to display your content.



### ADD YOUR CONTENT

- Creating new content is easy as pie! Add a single content item or select multiple items at once through the media library of your CMS. The widget settings are just one tab away so you can configure your widget on the fly.



## MANAGE YOUR WIDGETS

- The Widget Manager displays all your widgets in a list. Here you can create new widgets or edit, duplicate and delete existing ones. To insert a widget into your post, click its title and a widget shortcode will be generated.

A screenshot of the Joomla Widget Manager interface. At the top, there's a search bar and a 'Select Widget' dropdown. Below is a grid of widget items with icons and names. Some items have a blue border around them, indicating they are selected or highlighted.

Widget Type	Category	Action
Outdoor	Switcher	
Photography	Grid	
Marc Vincent	Slideshow	
Our Stories	Grid Stack	
Work	Switcher	
Lifestyle	Gallery	
Chloé Dubois	Gallery	

## FEATURES - Clean code, tons of options and great usability make Widgetkit one of a kind.




### Image Sizing

Images are automatically cropped and resized which makes publishing Joomla galleries simple as ABC!




### Fancy Animations

Widgetkit provides a bunch of eye-catching transition effects for your Joomla slider and slideshow



### Drag & Drop Ordering

Widgetkit is intuitive and easy to use. Order gallery items via drag & drop and re-order them at any time.



### Fast Loading

CSS and JavaScript files are combined, minified and cached on the fly. We also use lazy loading for efficiency



### Touch Screen Support

Widgetkit supports touch gestures for mobile devices and keyboard navigation to provide a great usability.




### Theme Support

All widgets adapt their look to fit your Joomla theme.

### Custom Fields

Besides the predefined fields you can add custom fields, so you can easily extend items and add more content.



### 1-Click Updates

When a new Widgetkit release is available, you'll be notified by Joomla and can update with just one click.



### Extendable

Widgetkit is very modular and extendable by design. You can easily add your own widgets or content providers.



## Gotong-Royong Penerbit Universiti

Oleh: Fatonah Salehuddin

Ke arah usaha mewujudkan persekitaran yang kemas dan teratur di Penerbit Universiti, serta mengeratkan silaturrahim dalam kalangan staf, satu program gotong-royong telah diadakan pada 18 Disember 2020.

Program satu hari yang bermula pada jam 9.00 pagi itu melibatkan seluruh lokasi di Penerbit Universiti terutama stor peralatan multimedia dan stor buku.

Pada program gotong-royong tersebut juga, aset-aset Penerbit Universiti yang dikenal pasti tidak boleh digunakan telah dikumpulkan di satu lokasi bagi memudahkan proses pemeriksaan dan pelupusan oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset yang akan dilaksanakan kelak.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai matlamat dan memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf, di samping menjadikan ruang kerja yang lebih teratur di Penerbit Universiti.



SHOT ON OPPO

# Ceramah Kesedaran Kecekapan Tenaga

Oleh: Azlan Azid

16 Disember 2020 – Bertempat di Bilik Latihan 1 Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), telah diadakan Program Ceramah Kesedaran Kecekapan Tenaga. Ceramah disampaikan oleh Pengurus Tenaga, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Ts. Dr. Mohamad Fani Sulaiman. Program ini bertujuan memberikan kesedaran dan tunjuk ajar berkenaan dengan cara-cara untuk penjimatkan tenaga yang optimum di tempat kerja dan di rumah.



# Jom Sertai Pertandingan Kongsi Foto Sempena 20 Tahun UTeM & Menangi Hadiah Wang Tunai

Oleh: Nurul Akmar Mehat & Rasida Abu Bakar

Sempena sambutan dua dekad penubuhan UTeM, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) mempelawa pelajar dan staf UTeM untuk menyertai Pertandingan Kongsi Foto: Sempena 20 Tahun UTeM yang bermula pada 3 Disember 2020 hingga 15 Januari 2021. Pertandingan ini menawarkan hadiah yang menarik iaitu wang tunai kepada 10 foto terbaik.

Buat julung kalinya, penganjuran Pertandingan Kongsi Foto: Sempena 20 Tahun UTeM oleh PLH ini bermatlamat memperoleh, mengumpul dan menyimpan foto-foto yang mempunyai nilai serta simbolisme kepada UTeM sebagai khazanah Universiti dan memori korporat yang dibanggakan seterusnya perlu dipelihara secara sistematis.

Tahun 2020 merupakan tahun di mana genap dua dekad UTeM ditubuhkan dan sudah tentulah banyak kenangan manis dan pahit yang boleh dikongsikan oleh warga UTeM khususnya pelajar dan staf. Perkongsian dalam bentuk foto ini mampu mengimbau kenangan bersama UTeM sewaktu Universiti ini mula dibangunkan, kejayaan-kejayaan yang diraih serta kemajuan semasa Universiti.

Penyertaan pertandingan ini adalah percuma. Syarat dan pertanyaan lanjut boleh didapati dengan melayari laman sesawang PLH di [www.library.utem.edu.my](http://www.library.utem.edu.my) atau e-mail kepada [memorikorporat@utem.edu.my](mailto:memorikorporat@utem.edu.my)

The poster features a blue camera icon on the left and a film strip icon on the right. The title 'KONGSI FOTO' is in large yellow letters, with 'SEMPENA 20 TAHUN UTeM' below it. A yellow banner at the bottom left reads 'Tarikh Penyertaan: 3 DIS 2020 - 15 JAN 2021'. On the right, there are three small photos showing people in graduation gowns. At the bottom, there's a section titled 'SYARAT PENYERTAAN:' with 10 numbered points, and a footer with social media icons and the text 'Perpustakaan Laman Hikmah'.

**KONGSI FOTO**  
SEMPENA 20 TAHUN  
UTeM

Tarikh Penyertaan:  
**3 DIS 2020 - 15 JAN 2021**

**SYARAT PENYERTAAN:**

1. Terbuka kepada semua pelajar dan staf UTeM
2. Foto penyertaan adalah foto asal daripada koleksi peribadi peserta dan bukan daripada Galeri UTeM
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak gambar peristiwa sepanjang 20 tahun penubuhan UTeM
4. Setiap penyertaan hanya layak menerima satu hadiah sahaja
5. Setiap gambar mestilah disertakan bersama caption tajuk, tarikh dan lokasi berkaitan gambar tersebut
6. Pengubahsuahan kecil adalah dibenarkan
7. Emelkan gambar dalam bentuk salinan JPEG ke [memorikorporat@utem.edu.my](mailto:memorikorporat@utem.edu.my)
8. Setiap penyertaan foto akan disimpan dan dijadikan sebagai koleksi Memori Korporat UTeM
9. Tajuk emel "FOTO SEMPENA 20 TAHUN UTeM" dengan nama, fakulti, no. tel. dan no. id pelajar atau staf
10. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 Januari 2021

**SEBARANG PERTANYAAN:**  
PUAN NURUL AKMAR MEHAT  
06-2701211

Perpustakaan Laman Hikmah



# Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Deklamasi Puisi Buku

## KUMPULAN PUISI **MERENTAS GEMPIA: PANDEMIK 2020**

**Oleh : Faradila Md Yusof**

Penerbit Universiti telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Deklamasi Puisi Buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 pada 2 November 2020 yang dilaksanakan secara dalam talian bagi menepati keperluan norma baharu kerana pandemik Covid-19.

Penyampaian hadiah ini adalah bagi pertandingan yang telah berlangsung pada 7 hingga 22 Ogos 2020 yang lalu sempena pelancaran buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 karya penulis tersohor, Profesor Dr. Lim Swee Tin. Majlis penyampaian hadiah ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim. Majlis bersejarah ini telah dilaksanakan melalui aplikasi *Webex* dan disiarkan secara langsung dalam *Facebook Live UTeM*.

Pertandingan ini telah berjaya menarik ramai peserta dari seluruh negara untuk mengetengahkan bakat masing-masing dengan mendeklamasikan sajak daripada buku tersebut. Proses penjurian telah dilakukan dengan teliti dan pemenang dipilih berdasarkan kriteria tertentu seperti gaya penyampaian dan video berkualiti.

Sambutan hangat yang diterima dalam pertandingan ini sedikit sebanyak telah membuktikan bahawa matlamat pertandingan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai pandemik Covid-19 telah berjaya. Mesej-mesej yang disampaikan melalui sajak-sajak yang terdapat dalam buku tersebut dapat dihayati dengan baik dan diharapkan semua lapisan masyarakat semakin cakna mengambil langkah untuk menyekat penyebaran pandemik Covid-19.

BIL.	KEDUDUKAN	NAMA PESERTA	TAJUK PUISI	HADIAH
1	Tempat Pertama	Nurlyana binti Ezani	Di Hadapan Tanggungjawab	RM 1,000.00 + Sijil Penyertaan
2	Tempat Kedua	Ainun Nasibah binti Johar	Dalam Kelekaan	RM 750.00 + Sijil Penyertaan
3	Tempat Ketiga	Nurirfiney binti E Hairoland Fredo	Barisan Hadapan	RM 500.00 + Sijil Penyertaan
4	Hadiah Suntingan Video Terbaik	Tengku Norhani binti Tengku Besar	Sebuah Lorong Kota	RM 500.00 + Sijil Penyertaan
5	Hadiah Video Like & Share Tertinggi	Nurlyana binti Ezani	Di Hadapan Tanggungjawab	RM 500.00 + Sijil Penyertaan



# Program Sembang Buku

Bersama Penulis:

## Buku 'Jom Bisnes' dan 'Pengurusan Sitasi Ilmuwan Cemerlang'

Oleh: Arman Mohammad

Pada tahun 2020, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah mengadakan sebanyak dua sesi Program Sembang Buku Bersama Penulis. Program anjuran bersama Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dan Penerbit Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diadakan di PLH secara dalam talian menggunakan platform Webex yang berjaya meraih seramai 120 orang peserta.

Program Sembang Buku bersama Penulis: Jom Bisnes telah diadakan pada 13 Ogos 2020 manakala Program Sembang Buku bersama Penulis : Pengurusan Sitasi Ilmuwan Cemerlang dilaksanakan pada 18 November 2020.

Bercakap tentang buku 'Jom Bisnes', penulis Dr. Mohamad Zahir Zainudin, Ketua Jabatan (Pengajian Islam dan Kemanusiaan), Pusat Pembelajaran Bahasa yang ditemubual oleh moderator program iaitu Puan Nurdyana Izyan Ahmad Ahsan dari Pusat Pembelajaran Bahasa memulakan perkongsian dengan menceritakan bagaimana beliau mendapat ilham untuk menerbitkan buku ini. Selain itu, penulis telah berkongsi kaedah/tip untuk memulakan bisnes sehingga menjadi usahawan berjaya. Penulis juga menghuraikan tentang ilmu serta nilai-nilai teras yang perlu ada pada bakal usahawan dengan meneroka peluang bagi jenis perniagaan yang boleh dilakukan dalam skala kecil tetapi memberikan hasil pulangan yang lumayan. Seterusnya penulis berkongsi mengenai keistimewaan karya yang dihasilkan bagi menarik minat pembaca membaca buku yang ditulis. Penulis sempat memberi galakan dan membakar semangat audiens untuk memulakan bisnes pada hari ini juga. Buku setebal 190 muka surat yang mengandungi rahsia 80 jenis bisnes ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti, UTeM pada harga RM 35.00 senaskah.

Bagi program kedua pula, buku 'Pengurusan Sitasi Ilmuwan Cemerlang' dikupas oleh Prof. Dr. Rabiah Ahmad, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Ts. Dr. Ruziah Ali, Pegawai Penerbitan Kanan, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat. Moderator bagi program ini adalah Puan Nurdyana Izyan Ahmad Ahsan daripada Pusat Pembelajaran Bahasa.



Prof. Dr. Rabiah memulakan bicara dengan berkongsi ilham menerbitkan buku ini bermula daripada nota penulisan penyelidikan Allahyarham Prof. Dr. Burairah Hussin, Mantan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi sewaktu beliau memberikan syarahan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah di Kolej Komuniti, Sarawak. Kemudiannya, ditambahbaik dengan sumber rujukan lain dengan kerjasama Ts. Dr. Ruziah Ali yang mengambil masa hampir dua tahun untuk diterbitkan.

Penulis menyatakan bahawa penerbitan buku itu adalah sebagai panduan kepada penyelidikan berkaitan pengurusan sitasi dalam artikel jurnal serta proses penulisan jurnal yang mantap dan berimpak tinggi melalui kaedah yang mudah untuk difahami. Penulis turut berkongsi pengalaman bagaimana untuk meningkatkan bilangan sitasi daripada jurnal yang diterbitkan dan pelbagai tips agar penyelidik dapat mengetahui cara terbaik serta olahan yang paling sesuai dalam menghasilkan artikel jurnal. Moderator juga menyatakan bahawa kewujudan buku ini adalah sebagai pemudahcara untuk menulis dan mengetahui apa yang perlu ada bagi menerbitkan penulisan yang baik. Buku 82 muka surat ini ringkas dan padat tetapi sarat dengan bibliografi dan ilustrasi diterbitkan oleh Penerbit Universiti, UTeM dengan harga RM 26.00 senaskah.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menggalakkan warga UTeM khususnya dan komuniti luar amnya dalam membudayakan amalan membaca sebagai menyokong kepada aspirasi pembelajaran sepanjang hayat. Di samping itu, ianya dapat memartabatkan budaya membaca ke persada dunia selain melahirkan lebih ramai ilmuwan di negara kita amnya dan warga UTeM khususnya. Penganjuran program ini juga adalah untuk menyokong aktiviti *Read@Uni* yang bertujuan menghidupkan kembali Kempen Membaca Kebangsaan bermula tahun 2018 sehingga tahun 2020 bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030.

A screenshot of a video conference showing a grid of participants. The grid is organized into columns labeled RB, IH, and FY. Each cell contains a participant's name, initials, and a small profile picture. The names include Norashikha Binti Che, Ilyah, Razita Abu Bakar, Ibtihal Hafizq, Farah Yusof, and others. The initials correspond to the names in the grid. The video conference interface includes a search bar at the top and a control bar at the bottom.

SEMBANG BUKU BERSAMA PENULIS PENGURUSAN SITASI ILMUWAN CEMERLANG

26 views • Nov 22, 2020

# Sesi Perbincangan & Menandatangani Perjanjian Penerbitan Penulis

Oleh: Fatonah Salehuddin

Karya Kreatif merupakan cabang baharu kategori penerbitan buku di Penerbit UTeM dan semakin mendapat sambutan menggalakkan baik daripada segi permohonan penerbitan dan permintaan terhadap bahan bacaan tersebut.


Sejak diluluskan pada tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 20 judul buku karya kreatif pelbagai genre telah diterbitkan hasil karya penulis UTeM dan luar, antaranya buku motivasi dan panduan, kumpulan cerpen, kumpulan puisi dan siri cerita kanak-kanak.

Sejajar dengan peningkatan penerbitan karya kreatif, Penerbit Universiti telah mengadakan Sesi Perbincangan dan Menandatangani Perjanjian Penulis pada 26 Ogos 2020.

Pada sesi tersebut, penulis telah diberi penerangan oleh Ketua Bahagian Editorial, Faradila Md Yusof mengenai syarat-syarat dan hak-hak penerbitan buku. Manakala penerangan berkaitan royalti dan aktiviti pemasaran buku telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Jualan dan Pemasaran, Mohammad Dzulhisham Che Hassim.

Di kesempatan ini, Penerbit Universiti mengalu-alukan seluruh warga UTeM untuk merebut peluang mengetengahkan bakat penulisan kreatif menerusi platform yang telah disediakan, sekali gus merancakkan lagi aktiviti penulisan dan penerbitan di Universiti.





# UJIAN SETIA KAWAN di Bukit Beruang

Oleh: Mohammad Dzulhisham Che Hassim

**NO ONE LEFT BEHIND** menjadi azimat yang dipegang ketika menelusuri denai dan banir Hutan Simpan Bukit Beruang dalam program riadah kelolaan Kelab Ceria Penerbit (KECEPER) pada 26 September 2020.

Program itu disertai oleh 11 orang staf Penerbit Universiti dengan dibantu oleh tiga rakan UTeM yang bertindak sebagai pemandu arah dalam misi 'menawan' puncak setinggi kira-kira 116 meter itu.

Keterujaan membuat dalam hati peserta khususnya bagi yang pertama kali mengikuti aktiviti sedemikian, namun perasaan bertukar cemas apabila langkah mula diatur yang terus menguji kekuatan kaki dan pinggang.

Senyum tawa hanya sehingga separuh pendakian sebelum berganti dengan deraian air mata dan keringat bagi menyudahkan aktiviti penerokaan Bukit Beruang sejauh lima kilometer.



Ketika ini, kata-kata motivasi dan semangat bertali arus terpacul daripada mulut setiap peserta bagi menyokong rakan yang telah hilang kudrat untuk meneruskan perjalanan.

Biar berpapah, biar berkendong, namun tinggalkan rakan tidak sesekali. Gerak langkah semuanya sederap, berhenti seorang maka berhentilah semua kerana yang penting ialah menyempurnakan misi dengan selamat dan bersama rakan-rakan pendakian.

Setapak demi setapak akhirnya senyuman terukir apabila dihidangkan dengan pemandangan yang memukau yang menandakan puncak Bukit Beruang telah pun ditawan.

Misi diteruskan, namun perjalanan turun juga tidak kurang mencabar seperti semasa pendakian.

Biarpun sukar bagi yang baharu dengan aktiviti seumpama ini, tiada bekalan lain melainkan menumpang aura positif rakan-rakan yang tanpa sedar memacu langkahan sehingga kesemuanya selamat tiba kembali di kaki bukit.

# INFO KESELAMATAN ICT

## Pengurusan Kata Laluan

Pemilihan, penggunaan dan pengurusan kata laluan sebagai laluan utama bagi mencapai maklumat dan data dalam sistem mestilah mematuhi amalan terbaik serta prosedur yang ditetapkan oleh UTeM seperti berikut:

1. Dalam apa jua keadaan dan sebab, kata laluan hendaklah dilindungi dan tidak boleh dikongsi dengan sesiapa pun;
2. Pengguna hendaklah menukar kata laluan apabila disyaki berlakunya kebocoran kata laluan atau dikompromi;
3. Panjang kata laluan mestilah sekurang-kurangnya lapan (8) aksara dengan gabungan antara huruf besar, huruf kecil, simbol dan nombor;
4. Kata laluan hendaklah diingat dan TIDAK BOLEH dicatat, disimpan atau didedahkan dengan apa cara sekalipun;
5. Kata laluan windows hendaklah diaktifkan terutamanya pada komputer yang terletak di ruang guna sama;
6. Kata laluan hendaklah TIDAK dipaparkan semasa input, dalam laporan atau media lain;
7. Kuatkuasakan pertukaran kata laluan semasa *log in* kali pertama atau selepas *log in* kali pertama atau selepas kata laluan diset semula;
8. Kata laluan hendaklah berlainan daripada pengenalan identiti pengguna;
9. Had kemasukan kata laluan bagi capaian kepada sistem aplikasi adalah maksimum tiga (3) kali sahaja. Setelah mencapai tahap maksimum, capaian kepada sistem akan dibekukan. Kemasukan kata laluan seterusnya hanya boleh dibuat selepas bagi tempoh masa selama 3 minit atau setelah diset semula oleh *Helpdesk*;
10. Sistem tidak membenarkan penggunaan semula kata laluan semasa bagi kata laluan yang baru selama tiga (3) kitaran yang bersamaan 270 hari di mana setiap satu (1) kitaran untuk sesuatu kata laluan itu tamat tempoh adalah bersamaan setiap 90 hari;
11. Kata laluan hendaklah disimpan dalam bentuk yang telah dienkripsi; dan
12. Sistem yang dibangunkan mestilah mempunyai kemudahan menukar kata laluan oleh pengguna.

Jangan **GUNA SEMULA**  
kata laluan yang telah digunakan  
sebelum ini.



Kerapkan **MENUKAR** kata laluan  
untuk keselamatan yang lebih  
kukuh.

PPPK | Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi

جامعة تكنولوجيا ملaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Semua staf dan pelajar adalah tertakluk ke atas pematuhan Dasar Keselamatan ICT UTeM. Dokumen lengkap berkenaan Dasar Keselamatan ICT UTeM boleh dicapai di <https://pppk.utm.edu.my/ms/rujukan/polisi/dasar-keselamatan-ict-utm.html>

**SAFEGUARD YOUR SENSITIVE DATA**  
**SOMETIMES INFORMATION THAT WE CONSIDER**  
**UNIMPORTANT OR EVEN PUBLIC,**  
**CAN BE USED BY THOSE THAT WISH TO HARM US**



**PPPK | Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi**



## PEMBELAJARAN

Video dibuat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan kaedah suntingan untuk menunjukkan konsep atau demonstrasi sesuatu perkara supaya penonton daripada tidak tahu kepada tahu.

01



## PROMOSI

Video dibuat untuk tujuan memujuk penonton sama ada untuk menonton hingga habis atau terpengaruh dengan isi kandungan persembahan yang disampaikan.

02

## JENIS PRODUKSI VIDEO

### DOKUMENTARI

Video ini biasanya dibuat dengan gabungan informasi di dalam hiburan dan santai. Biasanya mempunyai suara latar dan berdurasi agak panjang.

04



### INFORMASI

Video ini adalah yang paling mudah juga dikenali sebagai 'cut and dry'. Video yang menyampaikan sebanyak mungkin maklumat dan isi kandungan untuk pengetahuan penonton.

03



05

### HIBURAN

Video dibuat semata-mata untuk tujuan hiburan sahaja. Kreativiti tanpa sempadan. Bermacam bentuk persembahan, skop dan genre.



# *Sekalung Budi*

## **PERTUKARAN PENEMPATAN**

1. Arjunaidy Bin Demek  
Penolong Pegawai Tadbir / Gred N29  
Dari Penerbit Universiti  
ke Pusat Edu-Pelancongan, Pejabat TNC (P&I)  
mulai 23 November 2020
2. Siti Zurah Binti Mohd Nasir  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan / Gred N32  
Dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan  
Komunikasi  
ke Penerbit Universiti  
mulai 23 November 2020

# *Selamat Datang*

## **PERTUKARAN PENEMPATAN**

1. Roszaimah Binti Wahid  
Penolong Pendaftar / Gred N41  
Dari Pusat Edu-Pelancongan, Pejabat TNC (P&I)  
ke Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi  
mulai 23 November 2020

## **PERTUKARAN STAF SEMENTARA**

1. Khairunnisa Binti Abdullah  
Pembantu Pustakawan Kanan (KUP) / Gred S22  
Dari Pejabat Ketua Pegawai Maklumat  
ke Penerbit Universiti  
mulai 7 Disember 2020
2. Rabea'tul Adawiah Binti Zakaria  
Pembantu Operasi / Gred N11  
Dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi  
ke Penerbit Universiti  
mulai 7 Disember 2020

